

18 SEP 1998

Sabbaruddin-Umno

J/KUASA DISIPLIN UMNO BINCANG TINDAKAN ANGGOTA SOKONG ANWAR

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Tindakan anggota Umno yang didapati menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan parti akhir bulan ini.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun bersetuju supaya mesyuarat itu diadakan.

Katanya, mesyuarat itu akan dipengerusikan buat sementara waktu oleh salah seorang naib presiden parti, sama ada Datuk Seri Najib Tun Razak atau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Eksposisi Pelancongan Domestik dan Pameran Kraftangan di sini hari ini.

Jawatankuasa itu sebelum ini dipengerusikan oleh Anwar dalam kapasitinya sebagai timbalan presiden parti. Beliau dipecat daripada parti pada 3 Sept, sehari selepas dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Ketika ditanya mengenai pandangan beliau terhadap tindakan Anwar berpihak kepada DAP, Sabbaruddin berkata: "Itu agak rugilah dia, kerana orang Umno tak suka DAP."

Mengenai tuduhan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew terhadap Malaysia dan beberapa bekas pemimpin negara ini dalam memoirnya, Sabbaruddin berkata ia satu tindakan yang tidak wajar.

"Kalau ada usaha nak berbaik-baik dengan sesiapa, antara negara, antara negeri, antara daerah...tidak baik perkara-perkara yang semacam itu dibawa," katanya.

Ketika ditanya sama ada isu itu akan dibawa ke mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, Sabbaruddin berkata beliau yakin perkara itu akan dibincangkan.

Eksposisi Pelancongan Domestik dan Pameran Kraftangan yang berlangsung sehingga Ahad ini dijangka menarik 10,000 pelawat dari dalam dan luar negara.

Sebanyak 90 ruang pameran disediakan untuk pengusaha dan pengeluar barangan serta perkhidmatan berasaskan sektor pelancongan bagi didedahkan kepada pelawat.

-- BERNAMA

NM NMO